



KERAJAAN MALAYSIA

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN
BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

**SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
MULAI 29 SEPTEMBER 2020**

**DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967 AKIBAT WABAK COVID-19**

Kerajaan mulai 29 September 2020 telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPB) di beberapa kawasan di Sabah ekoran daripada penularan Covid-19 di kawasan-kawasan di negeri tersebut. Selepas daripada tarikh tersebut, Kerajaan juga telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri atau daerah yang dikenal pasti memandangkan penularan Covid-19 belum dapat diputuskan.

Pelaksanaan PKPD/PKPB oleh Kerajaan pada kali ini lebih terhad kepada kawasan tertentu sahaja dan tidak begitu menjejaskan perolehan Kerajaan memandangkan sebahagian besar sektor awam dan sektor ekonomi masih boleh beroperasi seperti biasa dengan mematuhi garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan pergerakan yang menjejaskan beberapa proses dalam perolehan Kerajaan.

Oleh yang demikian, soalan lazim ini disediakan oleh pihak Kementerian Kewangan sebagai panduan kepada semua Kementerian/Agensi dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Kemaskini pada: 22 Oktober 2020

Jam 6.00 petang

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Kontrak Perolehan Semasa		
1.	Adakah pelaksanaan program/projek yang sedang berjalan perlu diteruskan dalam tempoh PKPD/PKPB?	Perlu diteruskan memandangkan sebahagian besar sektor awam dan sektor ekonomi masih boleh beroperasi seperti biasa.
2.	Bagaimana dengan program/projek yang terlibat dengan arahan penutupan atau pemberhentian operasi dalam tempoh PKPD/PKPB oleh pihak berkuasa? Adakah boleh diteruskan berdasarkan obligasi kontrak? Contohnya sekolah, taska, pejabat dll.	<p>Bagi bekalan/perkhidmatan/kerja yang tidak terjejas seperti perkhidmatan kawalan keselamatan di sekolah, ia hendaklah diteruskan berdasarkan obligasi kontrak.</p> <p>Manakala, bagi bekalan/perkhidmatan/kerja yang terjejas seperti pembekalan makanan dimasak di sekolah, ia tidak dapat diteruskan. Oleh itu, Agensi hendaklah mengambil tindakan selaras syarat kontrak sebagai contoh mengeluarkan <i>suspension notice</i> dan tindakan melanjutkan tempoh kontrak dengan merujuk kepada PP/PK2.4.</p>
3.	Adakah Kerajaan masih meneruskan kemudahan bayaran gaji pekerja bagi kontrak yang terjejas dalam tempoh PKPD/PKPB?	Bayaran ke atas bekalan/perkhidmatan/kerja berdasarkan obligasi kontrak tertakluk kepada kesempurnaan bekalan/perkhidmatan/kerja oleh syarikat. Sekiranya kontrak belum disempurnakan, tiada bayaran akan dibuat.
4.	Berikutan pelaksanaan PKPD/PKPB, syarikat menghadapi masalah untuk mengemukakan bon pelaksanaan/insurans bagi melengkapkan SST.	Peraturan semasa PP/PK4.2/Perenggan 9.9.2 membenarkan Agensi untuk memberikan pengecualian bertulis untuk syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/insurans lewat dari tempoh asal yang ditetapkan sehingga maksimum 60 hari dari tarikh tersebut. Sekiranya tempoh maksimum 60 hari tersebut telah tamat, MoF memberi kebenaran kepada agensi untuk mengecualikan syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/insurans selewat-lewatnya tambahan 60 hari selepas tempoh PKPD/PKPB berakhir. Kegagalan syarikat mengemukakan bon pelaksanaan/insurans dalam tempoh tersebut menyebabkan pesanan kontrak tidak dibuat melalui sistem eP.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Walau bagaimanapun, Agensi perlu peka dengan tarikh penutupan akaun tahun 2020 yang semakin hampir. Oleh yang demikian, tempoh pelanjutan bon pelaksanaan/insurans hendaklah mengambil kira tempoh yang diperlukan bagi menyelesaikan pembayaran menggunakan peruntukan tahun 2020.</p>
Proses Bayaran		
5.	<p>Apakah status tuntutan bayaran bagi invois yang telah diserahkan kepada agensi semasa tempoh PKPD/PKPB?</p>	<p>Agensi dikehendaki menyegerakan semua bayaran yang dituntut bagi perolehan/projek yang telah disempurnakan mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p>
Proses Pelaksanaan Perolehan Yang Telah Bermula/Baharu		
6.	<p>Bolehkah tender/sebut harga diiklankan/dipelawa dalam tempoh PKPD/PKPB?</p>	<p>Ya, tender/sebut harga boleh diiklankan/dipelawa bagi memastikan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2020 Agensi yang terkini termasuk semua program dan projek di bawah PRE2020, PRIHATIN dan PENJANA dapat dilaksanakan. Agensi perlu memastikan tempoh tutup iklan tender/sebut harga yang munasabah bagi mengelakkan tarikh tutup jatuh dalam tempoh PKPD/PKPB. Kuasa pelanjutan tarikh tutup iklan tender yang sedang diiklankan terletak kepada Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa.</p>
7.	<p>Bolehkah perolehan darurat dilaksanakan dalam tempoh PKPD/PKPB?</p>	<p>Perolehan darurat boleh dilaksanakan selaras dengan syarat dan ketetapan di dalam PB3.3.</p>
8.	<p>Adakah tempoh sah laku bagi tender dan sebut harga yang ditangguhkan boleh dilanjutkan dalam tempoh PKPD/PKPB?</p>	<p>Pelanjutan tempoh sah laku adalah tertakluk kepada peraturan semasa berkuat kuasa.</p>
9.	<p>Adakah tempoh sah laku untuk tender pra kelayakan turut boleh dilanjutkan memandangkan peraturan telah menetapkan tempoh sah laku adalah tidak boleh melebihi 120 hari?</p>	<p>Pelanjutan tempoh sah laku adalah tertakluk kepada peraturan semasa berkuat kuasa.</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Adakah syarikat yang berada di kawasan PKPD/PKPB dibenarkan untuk mengemukakan dokumen tender/sebut harga bagi perolehan kerja/perkhidmatan perunding secara atas talian seperti emel?	<p>Implikasi penerimaan dokumen tender/sebut harga atas talian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Risiko kebocoran maklumat; Risiko tanggungan liabiliti ke atas pegawai Kerajaan; Risiko dakwaan sabotaj; Risiko peluang rasuah; dan Meningkatkan kos percetakan dan pentadbiran kepada Kerajaan termasuk kos penambahan kapasiti emel. <p>Berdasarkan implikasi yang disebutkan di atas, syarikat adalah tidak dibenarkan mengemukakan dokumen tender/sebut harga bagi perolehan kerja/perkhidmatan perunding secara atas talian. Sebagai alternatif syarikat dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender/ sebut harga melalui pos berdaftar/kurier. Agensi dinasihatkan untuk memasukkan klausa berikut ke dalam arahan kepada petender/penyebut harga:</p> <p>“Jika tender/sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender/sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan”</p>
Proses Perolehan Melibatkan Kehadiran Ramai (Undian, Lawatan Tapak dan lain-lain)		
11.	Adakah proses perolehan seperti pelantikan secara undian, lawatan tapak boleh dilaksanakan dalam tempoh PKPD/PKPB.	<p>PP/PK2.2 telah menetapkan kaedah memberi kebenaran pelaksanaan perolehan bagi perolehan/projek Kerajaan tahun 2020 <u>dalam tempoh tempoh PKPD/PKPB</u> tertakluk kepada syarat berikut:</p> <p>(a) Agensi Kerajaan hendaklah tidak mewajibkan kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebut harga/tender;</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>(b) Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/ brif projek berkenaan adalah jelas, Agensi Pelaksana hendaklah menyediakan maklumat terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga/tender memahami kehendak Agensi Pelaksana; dan</p> <p>(c) Selain itu, Agensi boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga/tender. Dalam hal ini, sekiranya syarikat mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian <i>face mask</i> adalah diwajibkan.</p>
12.	Adakah agensi boleh menggantikan prosedur lawatan tapak dan taklimat tender/sebut harga kepada penerangan skop kerja melalui rakaman video?	<p>Boleh. Agensi dibenarkan untuk membuat rakaman video bagi menggantikan prosedur lawatan tapak/ taklimat tender/sebut harga mengikut kaedah pelaksanaan berikut:</p> <p>(a) Rakaman video dipaparkan di laman sesawang rasmi Agensi Pelaksana untuk diakses oleh semua kontraktor yang berminat sepanjang tempoh sebut harga;</p> <p>(b) Agensi Pelaksana akan menugaskan beberapa pegawai untuk menjawab sebarang pertanyaan dari kontraktor sepanjang tempoh sebut harga/iklan tender;</p> <p>(c) Kontraktor juga mempunyai peluang untuk membuat lawatan sendiri ke projek-projek yang berkaitan mengikut kesesuaian masa mereka; dan</p> <p>(d) Kerja-kerja tersebut tidak melibatkan skop kerja teknikal atau struktur dan hanya melibatkan bahagian luar sahaja.</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan Jawatankuasa Perolehan Semasa dan Selepas Tempoh PKPB		
13.	Bolehkah mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga bersidang secara atas talian melalui <i>Video Conference</i> , iaitu sebagai contoh melalui <i>Skype for Business (SfB)</i> di bawah infra MAMPU atau Zoom dalam tempoh PKPD/PKPB?	<p>Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh bersidang secara maya melalui mana-mana aplikasi <i>Video Conference</i> bagi mengelakkan kebocoran maklumat terperinci.</p> <p>Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dibuat secara bersemuka berdasarkan tatacara di dalam PP/PK2.2/Perenggan 8.1 dengan kehadiran maksimum seramai enam (6) orang terdiri daripada pengerusi, ahli, urus setia dan pembentang.</p>
14.	Adakah Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan selain daripada Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebut Harga seperti Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Penilaian, Jawatankuasa Rundingan Harga dan lain-lain boleh bersidang secara atas talian dalam tempoh PKPD/PKPB?	<p>Ya. Mesyuarat boleh dilaksanakan secara atas talian dalam tempoh PKPD/PKPB selaras dengan ketetapan PP/PK2.2/Perenggan 8.3.</p> <p>Penggunaan aplikasi sidang video selain daripada <i>Skype for Business (SfB)</i> tidak dibenarkan bagi menjamin keselamatan maklumat. Agensi hendaklah mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kelancaran mesyuarat dan mengelakkan kebocoran maklumat.</p> <p>Pengendalian dokumen rahsia rasmi Kerajaan seperti dokumen tawaran penyebut harga/petender secara <i>hardcopy</i> atau <i>softcopy</i> yang perlu dibawa keluar daripada pejabat adalah tertakluk kepada Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p>